KERJA RUMAH 5

Tarikh: _____ Masa: _____

A. *Lengkapkan ayat-ayat di bawah ini dengan memilih kata yang paling sesuai.* SP5.1.4

berehat	tercetus	melimpah
gugur	bercucuran	menjalar

1 Pokok labu ayah _____ hingga luar pagar.

2 Air sungai itu _____ sebagai akibat hujan lebat selama tiga hari.

3 Pergaduhan yang _____ antara Rubern dengan Azim itu sebagai akibat salah faham.

4 Pengembara itu _____ sebentar sebelum meneruskan perjalanan.

5 Puan Sarah berasa risau kerana banyak rambutnya yang sudah _____.

6 Air matanya _____ sebaik-baik sahaja menerima berita sedih itu.

B. *Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat* **satu kesalahan bahasa. Gariskan kesalahan bahasa** *tersebut dan* **tulis jawapan** *yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

1 Budak perempuan itu senyum kepada saya.

_____

2 Pemimpin dunia itu kecam tindakan tentera Israel membunuh sekumpulan remaja Palestin di Gaza.

_____

3 Puan Maznah sambut kedatangan kami sekeluarga dengan gembira.

_____

4 Liza dan Hanim duduk bertentang di dalam kereta api yang menuju ke Seremban itu.

_____

5 Hakim menjatuhi hukuman penjara selama enam tahun terhadap penjenayah itu.

_____

6 Walaupun keluarganya miskin, Mak Munah merasa bangga kerana semua anaknya berjaya dalam pelajaran.

_____

7 Zamir akan memandu basikal baharunya ke sekolah pada hari Isnin nanti.

_____

8 Beberapa orang penduduk menentang pendapat yang kemukakan oleh ketua kampung atas sebab-sebab tertentu.

_____

[16 *markah*]

LIVEWORKSHEETS